- 1.20 **“Terma dan Syarat”** ertinya terma dan syarat ini serta terma-terma Perkhidmatan, dasar dan prosedur seperti yang boleh diubah atau diubah suai dari semasa ke semasa mengikut budi bicara TNGSB semata-mata;
- 1.21 **“TNGD”** ertinya TNG Digital Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 201701042478 (1256651-M)), sebuah syarikat sekutu TNGSB;
- 1.22 **“Portal Pengguna Touch ‘n Go”** bermaksud platform yang mengintegrasikan dan menggunakan SSO antara akaun Portal Pengguna Touch ‘n Go dan akaun Platform TNGD yang boleh diakses di <https://eportal.touchngo.com.my/login>;
- 1.23 **“Platform TNGD”** bermaksud portal web yang dikendalikan oleh TNGD untuk akses portal eWallet TNG;
- 1.24 **“Platform TNGSB”** bermaksud Portal Pengguna Touch ‘n Go dan Portal Kad TNGSB.
- 1.25 **“Portal Kad TNGSB”** bermaksud portal TNGSB yang boleh diakses di <https://www.tngportal.touchngo.com.my>.
- 1.26 **“T&S e-Dompot TNG”** ertinya terma dan syarat, dasar serta prosedur, yang berkaitan dengan penggunaan e-Dompot Touch ‘n Go oleh Anda, seperti yang boleh diubah atau diubah suai dari semasa ke semasa mengikut budi bicara TNG Digital semata-mata. T&S e-Dompot TNG boleh diakses pada pautan [https://assets.websitefiles.com/604f10ece77ed2575179c749/6141a7718d1cd393dac569ed\\_touch\\_n\\_go\\_eWallet\\_user\\_terms\\_conditions\\_v32.pdf](https://assets.websitefiles.com/604f10ece77ed2575179c749/6141a7718d1cd393dac569ed_touch_n_go_eWallet_user_terms_conditions_v32.pdf);



- 1.27 **“TNGSB”** ertinya Touch ‘n Go Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 199601034048 (406400-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Menara 6, Avenue 5, No. 8, Jalan Kerinchi, Bangsar South, 59200 Kuala Lumpur;
- 1.28 **“Portal e-Bayaran Balik TNGSB”** ertinya portal e-bayaran balik TNGSB yang boleh didapati pada pautan <https://customerservice.touchngo.com.my/erefund/>;
- 1.29 **“Laman Web TNGSB”** ertinya laman web korporat TNGSB yang boleh didapati pada pautan <http://www.touchngo.com.my>;
- 1.30 **“TT”** ditakrifkan sebagai pemindahan bertelegraf;
- 1.31 **“e-Dompert Touch ‘n Go”** ertinya dompet elektronik yang ditawarkan oleh TNG Digital yang menyimpan wang digital melalui aplikasi e-dompetnya menerusi telefon pintar Anda mengikut T&S e-Dompert TNG;
- 1.32 **“Akaun e-Dompert Touch ‘n Go”** ertinya akaun pembayaran mudah alih yang diwujudkan dengan TNG Digital apabila Anda mendaftar untuk e-Dompert Touch ‘n Go;
- 1.33 **“Anda”** ertinya anda sebagai orang yang kepadanya Kad Touch ‘n Go Dipertingkat telah dikeluarkan untuk tujuan menggunakan Perkhidmatan mengikut Terma dan Syarat ini.

## **2.0 Terma-terma Am**

### **2.1 Perjanjian**

- 2.1.1 Terma dan Syarat ini akan mengawal Kad Touch ‘n Go Dipertingkat, termasuk Kad Tersuai Produk. Sila rujuk kepada Fasal 10 Terma dan Syarat ini bagi terma dan syarat tambahan yang terpakai untuk Kad Tersuai Produk ini.
- 2.1.2 Perkhidmatan adalah diberikan atas dasar “seperti adanya” (“as-is”) dan “seperti tersedia” (“as-available”) dan penggunaan Perkhidmatan adalah atas risiko Anda sendiri. TNGSB menafikan dengan khususnya semua waranti jenis apa pun, termasuk tetapi tidak terhad kepada ketersediaan, ketercapaian dan penggunaan Perkhidmatan tanpa gangguan.
- 2.1.3 TNGSB mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknyanya, dari semasa ke semasa, untuk meminda Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagiannya.
- 2.1.4 TNGSB akan memberi Anda notis mengenai pindaan Terma dan Syarat ini, yang akan diterbitkan pada Laman Web TNGSB dan/atau dalam surat khabar harian kebangsaan dan/atau melalui apa-apa cara elektronik, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa pindaan Terma dan Syarat tersebut.
- 2.1.5 Penggunaan Perkhidmatan secara berterusan oleh Anda selepas tarikh kuat kuasa pindaan Terma dan Syarat ini hendaklah merupakan penerimaan tanpa syarat bagi pindaan tersebut oleh Anda. Jika Anda tidak menerima pindaan tersebut, Anda berhak menamatkan penggunaan Perkhidmatan oleh Anda. TNGSB tidak akan bertanggungjawab kepada Anda terhadap sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos dengan apa jua cara sekalipun akibat daripadanya.

### **2.2 Penggunaan Kad Touch ‘n Go Dipertingkat**

- 2.2.1 Kad Touch ‘n Go Dipertingkat boleh digunakan di semua tempat penggunaan Touch ‘n Go, cth. tol, transit, tempat letak kereta, kedai runcit dan/atau kawasan komuniti tertutup lain seperti yang ditetapkan oleh TNGSB.

- 2.2.2 Apabila Kad Touch 'n Go Dipertingkat digunakan di tempat masuk untuk mengakses Perkhidmatan bagi tol jalan, Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang sama mesti digunakan di tempat keluar. Jika Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang berbeza/alternatif digunakan atau Tag RFID atau kad alternatif lain digunakan di tempat keluar, Pemberi Perkhidmatan mempunyai hak untuk mengenakan caj tambahan ke atas Tag RFID atau Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang berbeza/alternatif itu.
- 2.2.3 Anda digalakkan supaya mendaftarkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda dengan melaksanakan pendaftaran secara dalam rangkaian melalui Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go. Tertakluk pada syarat bahawa Anda mendaftarkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go.terlebih dahulu, Anda boleh meminta pembayaran balik baki Nilai Kad Anda dengan merujuk kepada Fasal 6 di bawah.
- 2.2.4 Apabila Anda mendaftarkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda melalui Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go, Anda mesti memastikan bahawa Data Peribadi yang Anda berikan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskinikan apabila ia berubah. Anda boleh mengemaskinikan Data Peribadi Anda dengan menghubungi Talian Khidmat Pelanggan (*Careline*) TNGSB melalui talian 03-2714 8888.
- 2.2.5 Anda dikehendaki supaya menggunakan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda mengikut prosedur, arahan dan garis panduan yang ditetapkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa, dan tidak merosakkan, memanipulasikan, membuat salinan, melakukan kejuruteraan membalik ("*reverse-engineer*") atau mengusik Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu atau melakukan apa-apa pengubahsuaian Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu.
- 2.2.6 Anda hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mencegah apa-apa kejadian kehilangan, kecurian, pengklonan dan/atau penggunaan Kad Touch 'n Go Dipertingkat tanpa kebenaran. Sekiranya berlaku apa-apa kehilangan, kecurian, pengklonan dan/atau penggunaan Kad Touch 'n Go Dipertingkat tanpa kebenaran, adalah penting untuk memberitahu TNGSB dengan segera. Penggunaan tanpa kebenaran hendaklah merangkumi perbuatan mengendalikan transaksi Tambah Nilai di pemberi perkhidmatan, Tempat Jualan atau orang tanpa kebenaran. Anda hendaklah tetap bertanggungjawab, dan hendaklah menanggung rugi TNGSB terhadap semua tuntutan, kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos dengan apa jua cara sekalipun akibat daripada penggunaan tanpa kebenaran tersebut.
- 2.2.7 TNGSB dan/atau Pemberi Perkhidmatan tidak akan menghormati apa-apa penggunaan Kad Touch 'n Go Dipertingkat tanpa kebenaran dan Kad Touch 'n Go Dipertingkat tersebut akan Dijadikan Tidak Sah oleh TNGSB.
- 2.2.8 Anda berhak menggunakan Kad Touch 'n Go Dipertingkat bagi Perkhidmatan di mana-mana Pemberi Perkhidmatan dan Tempat Jualan yang dibenarkan, berdasarkan baki Nilai Kad dalam Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda.
- 2.2.9 TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perbuatan, penolakan dan/atau peninggalan oleh mana-mana Pemberi Perkhidmatan untuk menerima Kad Touch 'n Go Dipertingkat, dan TNGSB juga tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana Perkhidmatan yang diberikan oleh Pemberi Perkhidmatan.
- 2.2.10 Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda adalah sah pada setiap masa melainkan jika ia Dijadikan Tidak Sah atau telah tamat tempoh menurut Terma dan Syarat ini. Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda adalah sah untuk penggunaan sepanjang tempoh kesahan selama tujuh (7) tahun seperti yang terlihat dalam e-Dompet Touch 'n Go Anda/Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go/resit Tambah Nilai/bahagian belakang Kad Touch 'n Go Dipertingkat atau mesin Kios Layan Diri ("*Self-Service Kiosk*" atau SSK), dan selepas itu Kad Touch 'n Go Dipertingkat tersebut hendaklah disifatkan sebagai tamat tempoh dan tidak sah untuk penggunaan.

- 2.2.11 TNGSB akan menghentikan atau menggantung Perkhidmatan dan/atau Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa notis terdahulu dan/atau pampasan kepada Anda jika:
- Anda memungkirinya mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
  - Anda melakukan apa-apa jua yang mungkin, pada pendapat TNGSB, menyebabkan kerosakan atau gangguan terhadap Perkhidmatan; dan/atau
  - TNGSB berpendapat bahawa Kad Touch 'n Go Dipertingkat dan/atau Perkhidmatan digunakan atau mungkin digunakan untuk tujuan penipuan, atau tujuan yang haram atau menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pelanggaran perundangan, peraturan dan/atau garis panduan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
- 2.2.12 Sekiranya Perkhidmatan telah dihentikan atau digantung oleh TNGSB mengikut Fasal 2.2.11 di atas, adalah sah di sisi undang-undang bagi TNGSB untuk menyimpan apa-apa dan semua wang Tambah Nilai dan/atau Nilai Kad yang belum digunakan sehingga siasatan mengenai Kad Touch 'n Go Dipertingkat tersebut diselesaikan mengikut perundangan, peraturan dan/atau garis panduan yang terpakai.
- 2.2.13 Sekiranya Perkhidmatan dan/atau Kad Touch 'n Go Dipertingkat telah dihentikan atau digantung oleh TNGSB mengikut Fasal 2.2.11 dan 2.2.12 di atas, tiada bayaran balik bagi Nilai Kad dan tiada pampasan akan dibayar kepada Anda.
- 2.2.14 TNGSB akan menghentikan atau menggantung Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan notis munasabah sebelum apa-apa kerja penyenggaraan, peningkatan dan/atau pengubahsuaian dijalankan terhadap Perkhidmatan.
- 2.2.15 Nilai Kad maksimum bagi suatu Kad Touch 'n Go Dipertingkat ialah RM1,500.00 sahaja pada satu-satu masa.
- 2.2.16 Tiada fi perkhidmatan yang dikenakan sekiranya tiada aktiviti direkodkan selama sesuatu tempoh masa tertentu seperti yang ditetapkan oleh TNGSB untuk Kad Touch 'n Go Dipertingkat.

### **2.3 Fungsi Bayar Terus (*PayDirect*)**

- 2.3.1 Anda boleh mengaitkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda dengan e-Dompet Touch 'n Go Anda untuk, antara perkara lain, mengawasi Nilai Kad Anda dan menggunakan ciri-ciri Bayar Terus, tertakluk pada terma-terma penggunaan seperti yang dinyatakan di bawah T&S e-Dompet Touch 'n Go. Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang Dijadikan Tidak Sah tidak boleh dikaitkan dengan fungsi Bayar Terus.
- 2.3.2 Bayar Terus boleh digunakan di mana-mana pemberi perkhidmatan penyertaan yang membenarkan Anda membuat bayaran dengan menggunakan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda, dan amaun transaksi akan dipotong daripada baki Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda. Sekiranya baki Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda tidak mencukupi, amaun transaksi akan dipotong daripada Nilai Kad Anda.
- 2.3.3 Bayaran balik untuk transaksi yang dipotong daripada Nilai Kad hendaklah dibuat mengikut Terma dan Syarat ini, sedangkan bayaran balik untuk transaksi yang dipotong daripada baki Akaun e-Dompet Touch 'n Go hendaklah dibuat mengikut T&S e-Dompet Touch 'n Go.
- 2.3.4 Jika Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda dicuri/hilang, Anda boleh menghapuskan kaitan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda yang dicuri/hilang dengan segera melalui aplikasi e-Dompet Touch 'n Go, dan kemudiannya tiada transaksi yang boleh dibuat pada Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda oleh Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang dihapuskan kaitannya.
- 2.3.5 Anda juga boleh meminta supaya sejarah transaksi Bayar Terus Anda sehingga sembilan puluh (90) hari dihantar kepada alamat e-mel pilihan Anda.

- 2.3.6 Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai e-Dompet Touch 'n Go, sila rujuk kepada T&S e-Dompet TNG pada pautan <https://www.tngdigital.com.my/assets/pdf/user-terms-and-conditions.pdf>.

## **2.4 Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang Tamat Tempoh**

- 2.4.1 Jika Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda merupakan Kad Tamat Tempoh, Anda tidak akan dapat menggunakan Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu di mana-mana tempat penggunaan, cth. tol, transit, tempat letak kereta, kedai runcit dan/atau kawasan komuniti tertutup lain seperti yang ditetapkan oleh TNGSB.
- 2.4.2 Anda boleh menukar Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda yang sedia ada terlebih dahulu dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tamat tempoh Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda tanpa sebarang kos untuk mengelakkan apa-apa gangguan penggunaan dan kesulitan di tempat penggunaan.
- 2.4.3 Anda boleh merujuk kepada e-Dompet Touch 'n Go Anda, Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go/resit Tambah Nilai/bahagian belakang Kad Touch 'n Go Dipertingkat/mesin Kios Layan Diri ("*Self-Service Kiosk*" atau SSK) untuk mendapatkan maklumat mengenai tarikh tamat tempoh Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda. Jika terdapat apa-apa tarikh yang bercanggah dengan tarikh tamat tempoh Kad Touch 'n Go Dipertingkat, tarikh tamat tempoh seperti yang dipaparkan pada e-Dompet Touch 'n Go hendaklah menggantikan tarikh tamat tempoh lain seperti yang tersebut terdahulu.
- 2.4.4 Sebagai alternatif, Anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan (*Careline*) TNGSB pada talian 03-2714 8888 atau mengunjungi Pusat Perkhidmatan dan Jualan serta Kaunter Tambah Nilai Touch 'n Go kami yang terdekat dengan Anda untuk memeriksa tarikh tamat tempoh Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda.
- 2.4.5 Anda hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan bagi pembelian Kad Touch 'n Go Dipertingkat baharu oleh Anda yang berlaku selepas tamatnya tempoh Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda.

## **2.5 Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang Hilang atau Dicuri**

- 2.5.1 Tertakluk pada Fasal 2.5.2 di bawah, TNGSB akan menjadikan tidak sah semua Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang hilang atau dicuri apabila berlakunya:
- pemberitahuan lisan (telefon) oleh Anda kepada pegawai dibenarkan TNGSB, diikuti oleh
  - pemberitahuan secara bertulis yang ditujukan kepada TNGSB, dihantar melalui serahan tangan/surat/e-mel/Portal e-Bayaran Balik/saluran media sosial TNGSB yang rasmi; atau
  - kunjungan ke Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB untuk melaporkannya kepada pegawai dibenarkan TNGSB.
- 2.5.2 Anda akan tetap bertanggungjawab, dan hendaklah menanggung rugi TNGSB, terhadap semua Transaksi Kad, tuntutan, kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos dengan apa jua cara sekalipun akibat daripada penggunaan tanpa kebenaran tersebut.
- 2.5.3 Tertakluk pada Fasal 2.5.1 dan 2.5.2, TNGSB akan membayar balik Nilai Kad (tolak apa-apa fi yang terpakai), dengan cara yang dinyatakan di bawah Fasal 6, apabila diterimanya pemberitahuan bertulis seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2.5.1(ii) di atas, dengan syarat bahawa maklumat yang Anda berikan adalah lengkap dan tepat.

## **2.6 Penamatan Kad Touch 'n Go Dipertingkat**

Anda boleh, pada bila-bila masa, menamatkan dan menyerahkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat kepada TNGSB dan menghentikan penggunaan Perkhidmatan. TNGSB akan menentukan keadaan Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang dipulangkan, dan membayar balik

apa-apa baki Nilai Kad kepada Anda. Anda boleh menamatkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda melalui kaedah berikut:

- i. dengan menghubungi Khidmat Pelanggan (*Careline*) TNGSB;
- ii. dengan mengunjungi Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB; atau
- iii. dengan meminta penamatan melalui Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go.

## **2.7 Waranti dan Penggantian Kad Touch 'n Go Dipertingkat**

### **2.7.1 Waranti Kad**

Untuk mana-mana Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang Anda beli, TNGSB akan menjamin kefungsian Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu daripada apa-apa kerosakan/pincang tugas selama tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian, yang dalamnya Kad Anda akan diganti tanpa sebarang caj.

### **2.7.2 Penggantian Kad**

- i. Anda hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan bagi apa-apa penggantian Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang disebabkan oleh kerosakan/pincang tugas dalam kefungsian Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian.
- ii. Tertakluk pada Fasal 2.7.1 dan Fasal 2.7.2 (i) di atas, bagi tujuan penggantian Kad Touch 'n Go Dipertingkat, Anda dikehendaki supaya membawa Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu ke mana-mana Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB atau mana-mana Tempat Jualan untuk memperoleh Kad Touch 'n Go Dipertingkat pengganti.
- iii. Jika Nilai Kad dapat ditentukan oleh ejen khidmat pelanggan TNGSB, anda kemudiannya boleh meneruskan untuk memohon bayaran balik Nilai Kad melalui kaedah yang dintakan di fasal 6.0. Anda akan dikenakan caj harga kad baharu jika waranti bagi kad yang rosak/pincang tugas telah tamat tempoh.
- iv. Jika Nilai Kad tidak dapat ditentukan oleh ejen khidmat pelanggan TNGSB, Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu dan Nilai Kad tidak akan dibayar balik kepada Anda. Anda akan dikenakan caj harga Kad Touch 'n Go Dipertingkat baharu jika waranti bagi Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang rosak/pincang tugas telah tamat tempoh.

## **2.8 Wang Tak Dituntut**

- 2.8.1 Baki Nilai Kad anda yang tidak dikembalikan dan/atau tidak dituntut dalam tempoh tujuh (7) tahun selepas tarikh luput Kad Enhanced Touch 'n Go anda akan diuruskan mengikut peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965. Selepas itu, Anda boleh mendapatkan semula wang anda yang tidak dituntut daripada Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Anda boleh merujuk kepada laman web/portal rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (Jabatan Akauntan Negara Malaysia) untuk maklumat lanjut berkaitan wang yang tidak dituntut.

## **2.9 Pembelian Kad Touch 'n Go Dipertingkat**

- 2.9.1 Saluran yang dibenarkan untuk pembelian Kad Touch 'n Go Dipertingkat ialah:

- i. e-Kedai Lazada bagi e-Dompot Touch 'n Go;
- ii. e-Dompot Touch 'n Go;
- iii. Pusat Perkhidmatan & Jualan Touch 'n Go;
- iv. Pusat Khidmat Pelanggan Touch 'n Go oleh Pemberi Perkhidmatan;
- v. Kaunter Tambah Nilai Touch 'n Go di ejen dan peniaga yang dibenarkan; dan
- vi. Kaunter Touch 'n Go SPOT di Stesen Minyak penyertaan.

- 2.9.2 Soalan Lazim e-Dompot TNG hendaklah terpakai untuk Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang dibeli melalui e-Kedai Lazada bagi e-Dompot Touch 'n Go, dan melalui e-Dompot Touch 'n Go. Soalan Lazim e-Dompot TNG boleh didapati di sini:



## **2.10 Saluran Tambah Nilai**

- 2.10.1 Anda boleh membuat Tambah Nilai bagi Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda melalui saluran Tambah Nilai sah yang dibenarkan oleh TNGSB.
- 2.10.2 Saluran Tambah Nilai yang dibenarkan ialah:
- e-Dompet Touch 'n Go, dengan syarat bahawa ia dipasang pada telefon pintar boleh guna NFC;
  - Pusat Perkhidmatan & Jualan Touch 'n Go, TNGSB;
  - Pusat Khidmat Pelanggan Touch 'n Go oleh Pemberi Perkhidmatan;
  - Kaunter Tambah Nilai Touch 'n Go di ejen dan peniaga yang dibenarkan;
  - Kaunter Touch 'n Go SPOT di Stesen Minyak penyertaan;
  - Kios Layan Diri ("*Self-Service Kiosk*" atau SSK); dan
  - ATM di bank penyertaan.
- 2.10.3 Saluran Tambah Nilai terpilih oleh ejen, peniaga dan ATM bank mungkin mengenakan fi Tambah Nilai untuk setiap perkhidmatan transaksi Tambah Nilai.
- 2.10.4 Jika Anda berniat untuk membuat Tambah Nilai kepada Nilai Kad Anda melalui e-Dompet Touch 'n Go, Anda akan dikehendaki supaya mendaftarkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda pada Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda dan menyelesaikan penentuan identiti e-Ketahui-Pengguna-Anda ("*e-Know-Your-Consumer*" atau eKYC). Untuk kejelasan, Anda masih akan dapat membuat Tambah Nilai bagi Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda yang tidak berdaftar, melalui saluran Tambah Nilai lain yang disenaraikan di bawah Fasal 2.10.2 (ii) hingga (viii).
- 2.10.5 Jika Tambah Nilai bagi Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda dijalankan melalui e-Dompet Touch 'n Go, Tambah Nilai itu adalah terhad kepada had Tambah Nilai maksimum yang telah Anda tetapkan pada Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda atau Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500), mengikut mana-mana yang lebih rendah.
- 2.10.6 TNGSB mempunyai hak untuk menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Touch 'n Go Dipertingkat dan Perkhidmatan, dan menolak apa-apa permintaan pembayaran balik yang dibuat bagi Nilai Kad, jika Tambah Nilai itu telah dijalankan di saluran Tambah Nilai yang tidak dibenarkan.

## **2.11 Cukai yang Terpakai**

- 2.11.1. Harga dan cukai yang dinyatakan di sini adalah tertakluk pada apa-apa cukai yang terpakai, yang dikenakan atau yang akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan lain mengikut undang-undang terdapat yang berkaitan di Malaysia.

## **3.0 Pendaftaran Kad Touch 'n Go Dipertingkat**

### **3.1 Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go**

- 3.1.1 Anda boleh mendaftarkan Kad Anda melalui cara dibawah

- (a) Portal Kad TNGSB : dengan mewujudkan suatu ID Log Masuk dan Kata Laluan, dan dengan menggunakan Nombor Siri atau Nombor Perkilangan (MFG) Kad yang sah.



Nombor Siri Kad boleh didapati pada bahagian belakang Kad Anda, dan nombor MFG boleh didapati pada mana-mana resit Tambah Nilai untuk Kad itu.

(b) Portal Pengguna Touch 'n Go

- (i) Cara 1: Setelah Pautan Akaun berjaya, Kad anda yang dipautkan dalam e-Wallet TNGD anda yang tidak ada di dalam Platform TNGSB akan dipautkan secara automatik ke akaun Portal Pengguna Touch 'n Go Anda;
- (ii) Cara 2: Setelah Pautan Akaun berjaya, untuk Kad yang tidak dipautkan ke e-Dompot Touch 'n Go Anda, Anda juga boleh menambah Nombor Siri Kad atau Nombor Perkilangan (MFG) yang sah secara manual terus ke Portal Pengguna Touch 'n Go. Nombor Siri Kad boleh diperolehi dari belakang Kad anda dan nombor MFG boleh diperolehi dari mana-mana resit Tambah Nilai untuk Kad tersebut.

Nombor Siri Kad dan MFG boleh didapati di resit tambah nilai untuk Kad tersebut.

- 3.1.2 Pendaftaran adalah dikehendaki jika Anda ingin menamatkan atau menghentikan penggunaan Kad Touch 'n Go Dipertingkat untuk apa-apa pembayaran balik Nilai Kad.
- 3.1.3 Jika Anda telah melaporkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda sebagai hilang atau dicuri, TNGSB akan mendapatkan kembali maklumat Anda daripada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go untuk memproses pembayaran balik Nilai Kad, tolak apa-apa fi atau caj yang terpakai, dan menamatkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat itu.
- 3.1.4 Jika Anda berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun, Anda bertanggungjawab untuk memperoleh persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga Anda atau orang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa terhadap Anda, sebelum menzahirkan butiran peribadi Anda kepada TNGSB. TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kesulitan yang Anda alami akibat kegagalan untuk memperoleh persetujuan tersebut.

#### 4.0 Fi dan Caj

- 4.1 TNGSB boleh mengubah fi dan caj dari semasa ke semasa dengan memberi Anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Fi dan caj yang berkaitan akan boleh didapati pada Laman Web TNGSB, dan fi dan caj Tambah Nilai yang berkaitan melalui Akaun e-Dompot Touch 'n Go Anda akan boleh didapati dalam T&S e-Dompot Touch 'n Go.
- 4.2 TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa fi atau caj lain (cth. surcaj) yang dikenakan oleh pihak ketiga termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bank, peniaga, pengendali tempat letak kereta, pihak kerajaan atau Pemberi Perkhidmatan untuk penggunaan Perkhidmatan.

#### 5.0 Kaedah Membuat Aduan dan Bentuk Komunikasi

- 5.1 TNGSB akan mengumumkan kepada orang awam apa-apa maklumat kemas kini mengenai produk, perkhidmatan dan operasinya dengan cara yang konsisten, bila-bila dikehendaki, untuk mewujudkan kesedaran kepada Anda.
- 5.2 TNGSB akan berkomunikasi dengan Anda melalui mana-mana mod berikut:
  - ii. khidmat pesanan ringkas (SMS)/mel elektronik;
  - iii. paparan notis di semua Pusat Perkhidmatan & Jualan dan/atau Kaunter Khidmat Pelanggan TNGSB; dan/atau
  - iv. diterbitkan pada Laman Web dan saluran media sosial rasmi TNGSB (termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook, Instagram, LinkedIn dan Twitter); dan/atau



- 5.3 Semua notis, permintaan dan/atau komunikasi lain daripada Anda kepada TNGSB boleh disampaikan kepada yang berikut:

**Touch 'n Go Sdn Bhd**

Menara 6, Avenue 5, Bangsar South

No. 8, Jalan Kerinchi

59200 Kuala Lumpur

No. Talian Khidmat Pelanggan (*Careline*): 03-2714 8888 (Isnin-Jumaat: 8.00 pagi hingga 8.00 malam)

No. Faks: 03-2714 8889

E-mel: [careline@touchngo.com.my](mailto:careline@touchngo.com.my)

- 5.4 Anda juga boleh mengunjungi mana-mana Pusat Perkhidmatan & Jualan dan Kaunter Khidmat Pelanggan TNGSB di:

| Alamat                                                                                                                                                       | Waktu operasi                                                                                |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pusat Perkhidmatan &amp; Jualan Bangsar South</b><br>Tingkat Bawah<br>Menara 6, Avenue 5, Bangsar South<br>No. 8, Jalan Kerinchi<br>59200 Kuala Lumpur    | Isnin – Jumaat: 9:00 pagi hingga 5:00 petang<br>Tutup pada Hujung Minggu & Hari Kelepasan Am |
| <b>Pusat Perkhidmatan &amp; Jualan NU Sentral</b><br>Lot L2.07, Aras 2<br>Pusat Beli-Belah NU Sentral<br>No. 201, Jalan Tun Sambanthan<br>50470 Kuala Lumpur | Isnin – Jumaat (Termasuk Hari Kelepasan Am):<br>10.00 pagi hingga 10.00 malam                |

- 5.5 Ketepatan dan kesempurnaan Data Peribadi Anda bergantung pada maklumat yang telah Anda berikan. TNGSB akan menganggap bahawa maklumat yang telah Anda berikan adalah tepat, kemas kini dan lengkap melainkan jika Anda memaklumkan sebaliknya. Anda boleh mengemaskinikan Data Peribadi Anda melalui mana-mana saluran di atas atau pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go.
- 5.6 Jika aduan atau hal Anda tidak diberi perhatian oleh TNGSB, Anda boleh memajukan aduan atau pertanyaan Anda kepada badan-badan berikut. Anda boleh mendapati maklumat perhubungan badan-badan tersebut pada pautan laman web berikut:-

**Bank Negara Malaysia**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Laman Web: <https://www.bnm.gov.my/>

**Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)**

Borang Aduan boleh didapati pada pautan <https://telelink.bnm.gov.my/>

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)**

(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)

Laman Web: <https://www.ofs.org.my/en/>

**6.0 Pembayaran Balik**

**6.1 Proses Pembayaran Balik**

- 6.1.1 Anda boleh meminta pembayaran balik Nilai Kad bagi Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda melalui kaedah berikut:
- menghubungi Khidmat Pelanggan (*Careline*) TNGSB;
  - mengisi Borang e-Bayaran Balik yang boleh didapati pada Laman Web TNGSB;
  - penyerahan melalui e-Dompet Touch 'n Go ; atau
  - kunjungan ke Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB.
- 6.1.2 TNGSB akan memproses semua permintaan pembayaran balik untuk Kad Touch 'n Go Dipertingkat berdaftar sahaja. Anda perlu memastikan bahawa Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda sudah pun didaftarkan melalui Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go untuk membolehkan TNGSB memproses permintaan pembayaran balik itu.
- 6.1.3 Pembayaran balik hanya akan diproses untuk pemilik berdaftar Kad Touch 'n Go Dipertingkat selepas TNGSB telah menerima maklumat lengkap dan dokumen sokongan daripada Anda, tolak apa-apa fi dan caj (jika berkenaan) (sila ambil maklum bahawa buat masa ini TNGSB tidak mengenakan sebarang fi atau caj pembayaran balik). Bayaran balik akan dibuat kepada Anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari masa permintaan pembayaran balik dibuat, tertakluk pada syarat bahawa TNGSB menerima maklumat lengkap Anda.
- 6.1.4 Jika Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda
- dilaporkan hilang, dicuri atau rosak; atau
  - jika Anda ingin menamatkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda,
- Anda boleh memohon pembayaran balik baki Nilai Kad Anda (iaitu Nilai Kad yang terakhir direkodkan setakat tarikh penyerahan permintaan pembayaran balik Anda, seperti yang ditentukan oleh TNGSB), tolak apa-apa fi yang terpakai. Jika Anda memutuskan untuk berbuat demikian melalui pelbagai saluran khidmat pelanggan (*careline*) TNGSB (lihat Fasal 5), Pusat Perkhidmatan & Jualan atau Kaunter Khidmat Pelanggan TNGSB, Anda mesti mengemukakan Dokumen Pengenalan Anda, bagi tujuan verifikasi dan pengenalpastian. Sebagai alternatif, Anda boleh memohon suatu e-bayaran balik melalui Portal e-Bayaran Balik TNGSB, tertakluk pada syarat bahawa Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda didaftarkan terlebih dahulu melalui Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go sebelum permohonan e-bayaran balik itu.
- 6.1.5 Status pembayaran balik Anda boleh diperiksa pada Laman Web TNGSB atau dimaklumkan kepada Anda melalui e-mel atau SMS.
- 6.1.6 Bayaran balik akan dikreditkan ke akaun perbankan pilihan atau e-Dompet Touch 'n Go Anda, dengan syarat bahawa Anda telah memberikan maklumat dan dokumentasi yang diperlukan untuk pemprosesan bayaran balik itu.
- 6.1.7 Selepas Nilai Kad Anda telah berjaya dibayar balik, Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda akan ditamatkan secara automatik oleh TNGSB.
- 6.2 Pembayaran Balik melalui e-Dompet Touch 'n Go**
- 6.2.1 Sila muat turun Aplikasi e-Dompet Touch 'n Go dan tentusahkan Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda untuk memudahkan pembayaran balik, tertakluk pada Fasal 6.2.2.
- 6.2.2 Permintaan pembayaran balik akan diproses jika maklumat peribadi Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada, nombor KP atau nombor pasport dan nombor perhubungan Anda, seperti yang didaftarkan pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go, adalah sepadan dengan maklumat peribadi Anda pada Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda.
- 6.3 Pembayaran Balik melalui Borang e-Bayaran Balik pada Laman Web TNGSB**
- 6.3.1 Anda boleh meminta pembayaran balik melalui Borang e-Bayaran Balik pada Laman Web TNGSB (<https://customerservice.touchngo.com.my/erefund/>).

6.3.2 Perkhidmatan e-Bayaran Balik Touch 'n Go adalah tersedia untuk pelanggan yang telah mendaftarkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat mereka pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go. Daftarkan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go, dan Anda akan dapat memantau transaksi Anda, melihat e-penyata Anda, mengemaskinikan butiran peribadi Anda dan melindungi baki Anda sekiranya Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda hilang/dicuri.

6.3.3 Bayaran bagi e-Bayaran Balik Anda akan dikreditkan ke akaun pilihan Anda berdasarkan perkara berikut:

| Jenis Pelanggan       | Syarat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Rakyat Malaysia       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Nama dan KP pemegang akaun bank adalah sepadan dengan nama dan nombor KP pemilik kad berdaftar yang didaftarkan pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go.</li> <li>Pembayaran ke akaun pihak ketiga tidak dibenarkan.</li> <li>Pembayaran balik ke e-Dompet Touch 'n Go hanya terpakai untuk Akaun e-Dompet Touch 'n Go yang telah ditentusahkan.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                      |
| Rakyat Bukan Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran akan dibuat melalui pemindahan bertelegraf (TT) yang yurannya hendaklah ditanggung oleh pelanggan.</li> <li>Nama dan nombor pasport pemegang akaun bank adalah sepadan dengan nama dan nombor pasport pemilik kad berdaftar yang didaftarkan pada Portal Kad TNGSB atau Portal Pengguna Touch 'n Go.</li> <li>Nama, alamat dan kod swift (jika berkenaan) bank asing adalah lengkap.</li> <li>Pembayaran ke akaun pihak ketiga tidak dibenarkan.</li> <li>Pembayaran balik ke e-Dompet Touch 'n Go hanya terpakai untuk Akaun e-Dompet Touch 'n Go yang telah ditentusahkan.</li> </ul> |

6.3.4 Bagi permintaan e-Bayaran Balik Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang hilang/dicuri, amaun yang layak dibayar balik adalah berdasarkan baki kad yang tersedia pada tarikh penyerahan borang e-Bayaran Balik.

#### 6.4 Pembayaran Balik melalui Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB

6.4.1 Di Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB, bayaran balik akan diproses berdasarkan mod pembayaran yang tersedia pada masa permintaan oleh Anda.

6.4.2 Mod pembayaran ditakrifkan sebagai perkreditan ke dalam akaun bank dan/atau Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda.

6.4.3 Anda mesti mengemukakan Dokumen Pengenalan Anda bagi tujuan verifikasi dan pengenalpastian.

6.4.4 Jika bayaran balik perlu dibuat dalam mata wang asing, TNGSB akan membuat bayaran balik kepada Anda melalui TT ke akaun bank tentuan Anda. Anda hendaklah menanggung semua caj TT. Amaun yang dibayar balik melalui TT adalah selepas pemotongan apa-apa caj yang berkaitan dengan mod pembayaran.

#### 6.5 Tempoh Pembayaran Balik

6.5.1 Bagi semua permintaan pembayaran balik yang dibuat melalui Laman Web TNGSB, TNGSB Talian Khidmat Pelanggan dan Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB yang tidak mengenai dalam Klausu 6.6 dan 6.7, bayaran balik akan dikreditkan kepada Anda dalam tempoh empat belas (14) hari selepas TNGSB menerima serahan pembayaran balik dengan maklumat dan/atau dokumentasi lengkap daripada Anda.

6.5.2 Bagi kes bayaran balik kompleks yang memerlukan siasatan lanjut oleh TNGSB dan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh empat belas (14) hari, TNGSB hendaklah memaklumkan sebab kelewatan tersebut kepada Anda tepat pada masanya dan menyelesaikan siasatan

dan tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas TNGSB menerima permintaan penyerahan bayaran balik dengan maklumat dan/atau dokumentasi lengkap daripada Anda.

- 6.5.3 Maklumat lengkap merujuk kepada maklumat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 6.3, maklumat peribadi Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama dan ID Anda, yang didaftarkan dengan akaun bank yang berkaitan mestilah sepadan dengan maklumat peribadi Anda yang didaftarkan dengan Kad Touch 'n Go Dipertingkat.

## **6.6 Pembayaran Balik untuk Transaksi yang Dikenakan Caj Berlebihan**

- 6.6.1 Anda hendaklah meminta pembayaran balik untuk transaksi yang dikenakan caj berlebihan dalam tempoh dua (2) bulan dari masa kejadiannya.
- 6.6.2 Pembayaran balik untuk transaksi yang dikenakan caj berlebihan adalah tertakluk pada verifikasi Pemberi Perkhidmatan.

## **6.7 Pembayaran Balik untuk Transaksi yang Dikenakan Caj Berlebihan (Lebuh Raya PLUS sahaja)**

- 6.7.1 Bayaran balik untuk transaksi yang dikenakan caj berlebihan yang berlaku di lebuh raya yang dikendalikan oleh PLUS Expressways Berhad ("PLUS"), tertakluk pada verifikasi oleh PLUS, hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi.
- 6.7.2 Anda boleh merujuk kepada Terma-terma Penggunaan PLUS pada laman web PLUS: [https://www.plus.com.my/index.php?option=com\\_content&view=article&layout=edit&id=952&Itemid=417&lang=en](https://www.plus.com.my/index.php?option=com_content&view=article&layout=edit&id=952&Itemid=417&lang=en) dan Anda juga boleh melihat senarai lebuh raya kendalian PLUS pada laman web PLUS: [https://www.plus.com.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=4&Itemid=122&lang=en](https://www.plus.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=4&Itemid=122&lang=en).

## **7.0 Tanggung Rugi dan Had Liabiliti**

### **7.1 Tanggung Rugi**

- 7.1.1 Anda bersetuju untuk menanggung rugi TNGSB terhadap semua dakwaan, kerugian, liabiliti, prosiding, tuntutan, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang mungkin diakibatkan, atau yang mungkin ditanggung oleh TNGSB, berhubung dengan atau yang timbul daripada pemberian Perkhidmatan kepada Anda yang disebabkan oleh (i) perbuatan, peninggalan, kelakuan, kesalahan, kecuaiian atau penipuan oleh Anda sendiri; (ii) kemungkiran atau ketidakpatuhan Terma dan Syarat ini oleh Anda; atau (iii) pelanggaran mana-mana undang-undang yang terpakai oleh Anda.

### **7.2 Pengecualian Liabiliti**

- 7.2.1 TNGSB, Lembaga Pengarah, pegawai, pekerja dan ejennya tidak akan bertanggungjawab kepada Anda atau mana-mana pihak ketiga yang dibenarkan oleh atau yang menuntut melalui Anda, terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi, sama ada langsung atau tidak langsung, khas atau turutan, yang Anda alami atau yang dialami oleh mana-mana orang yang Anda benarkan, yang disebabkan oleh:
- penggunaan atau ketidakmampuan untuk menggunakan Perkhidmatan oleh Anda atau mana-mana orang yang Anda benarkan;
  - apa-apa perbuatan/peninggalan oleh TNGSB, Lembaga Pengarah, pegawai dan/atau pekerjaannya berhubung dengan Perkhidmatan;
  - apa-apa perbuatan/peninggalan oleh Pemberi Perkhidmatan berhubung dengan Perkhidmatan, walau bagaimana jua pun disebabkan;
  - apa-apa kehilangan, herotan atau kerosakan data yang timbul daripada penggunaan Perkhidmatan;
  - apa-apa akses kepada data Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda yang menyalahi undang-undang atau yang tidak dibenarkan; dan/atau





- vi. kegagalan atau kelewatan Anda untuk memberikan maklumat kemas kini kepada TNGSB mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat atau butiran Anda berkaitan dengan Kad Touch 'n Go Dipertingkat Anda.

7.2.2 Walau apa pun perkara di atas, sekiranya TNGSB bertanggungjawab kepada Anda atas apa jua alasan sekalipun, liabiliti TNGSB hendaklah dihadkan kepada baki Nilai Kad Anda atau jumlah sebanyak RM500.00 sahaja, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

### **7.3 Penipuan dan Luar Aturan**

7.3.1 Walau apa pun apa-apa jua dalam Terma dan Syarat ini, sekiranya terdapat penipuan atau luar aturan yang disyaki dalam Nilai Kad, TNGSB tidak akan mengakui Nilai Kad dan tiada bayaran balik akan dibuat kepada Anda berkenaan dengan sebarang transaksi penipuan yang disyaki. TNGSB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab berhubung dengan apa-apa tuntutan yang Anda buat atau yang dibuat oleh mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan Nilai Kad itu.

## **8.0 Notis Privasi**

### **8.1 Data Peribadi**

8.1.1 Anda menyedari sepenuhnya Data Peribadi yang dikumpulkan oleh TNGSB daripada Anda, dan Anda dengan ini memberikan persetujuan Anda kepada TNGSB untuk Data Peribadi Anda digunakan, diproses, disimpan dan/atau dizahirkan mengikut Notis Privasi TNGSB yang boleh diakses pada laman web TNGSB pada laman [Notis Privasi](#), yang mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sila baca Notis Privasi TNGSB dengan teliti kerana ia mengawal pengumpulan dan penggunaan Data Peribadi Anda oleh kami.

8.1.2 Anda mengakui bahawa pengambilan gambar dan perfileman mungkin berlaku di acara atau premis TNGSB. TNGSB mempunyai hak untuk menggunakan imej dan video yang dirakamkan di acara tersebut atau premis kami dengan gambar foto dan video Anda bagi tujuan promosi dan pemasaran oleh TNGSB pada saluran media sosial, laman web TNGSB dan bahan cetak, tanpa memperoleh apa-apa persetujuan selanjutnya daripada Anda. Jika Anda tidak ingin gambar foto dan/atau video Anda diambil di acara atau premis TNGSB, sila beritahu kami semasa acara itu atau di premis kami, dan kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk mematuhi permintaan Anda.

## **9.0 Pelbagai**

9.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaya.

9.2 Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini, semua Transaksi Kad yang diurus dengan menggunakan ATM hendaklah juga dikawal oleh Terma dan Syarat ATM bank yang berkaitan.

9.3 Jika mana-mana peruntukan yang terkandung di sini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, kesahan dan kebolehan penguatkuasaan peruntukan selebihnya tidak boleh dijejaskan atau dikurangkan dengan apa jua cara, dan peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut hendaklah disifatkan sebagai dipotong.

9.4 Terma dan Syarat ini juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau kesamaran antara terma-terma versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia berkenaan Terma dan Syarat, versi Inggeris sebagai versi muktamad dan digunakan.

## 10.0 Terma dan Syarat Tambahan yang Terpakai untuk Kad Tersuai Produk

TNGSB boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan Kad Tersuai Produk secara usaha sama dengan rakan perniagaannya. Terma dan syarat tambahan mungkin dipakai oleh rakan perniagaan kami. Sila rujuk kepada perkara berikut:

- i. Kad Touch 'n Go Zing: Kad ini mempunyai fungsi tambah nilai automatik. Kad ini dikeluarkan oleh institusi kewangan penyertaan. Ia dikaitkan dengan Akaun kad kredit atau debit pengguna yang akan didebitkan dengan nilai bagi tambah nilai automatik. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, Kad Zing juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan oleh institusi kewangan yang berkenaan.
- ii. Tesco Clubcard: Kad ini boleh diperolehi di kedai Tesco terpilih. Sila rujuk kepada terma dan syarat yang terpakai untuk pemegang Tesco Clubcard pada laman web Tesco Malaysia.
- iii. Kad Watsons: Kad 2-dalam-1 yang memberikan mata ganjaran untuk ahli Watson di samping manfaat yang Anda berhak menerima dengan TNGSB. Sila rujuk kepada terma dan syarat yang terpakai untuk pemegang kad Watsons pada laman web Watsons Malaysia.
- iv. Kad Foto Touch 'n Go: Peribadikan kad ini dengan gambar foto atau grafik pilihan Anda sendiri. Kad ini dijual di Pusat Perkhidmatan & Jualan Touch 'n Go. Sila rujuk kepada terma dan syarat tambahan yang terpakai untuk kad foto pada pautan [https://www.touchngo.com.my/00/\(Photocard-Annexure.pdf](https://www.touchngo.com.my/00/(Photocard-Annexure.pdf);
- v. MyKad: Kad Pintar Pelbagai Guna pihak Kerajaan dengan ciri-ciri Touch 'n Go. Kad ini hendaklah, pada setiap masa, merupakan harta eksklusif Jabatan Pendaftaran Negara, dan Anda tidak boleh memindahkan MyKad kepada mana-mana orang lain.
- vi. Kad Touch 'n Go BIZSpoke: Dahulunya dikenali sebagai kad "Reka Bentuk Khas" yang disediakan oleh TNGSB. Ia merupakan kad buatan tersuai yang diwujudkan khas untuk rakan perniagaan TNGSB dimana kad tersebut dikeluarkan dengan rekabentuk khas khusus kepada rakan perniagaan itu dan dijual kepada pelanggan.
- vii. Kad 'Limited Edition' merupakan Kad Touch 'n Go Dipertingkat dengan reka bentuk edisi terhad, yang dijual hanya selama sesuatu tempoh eksklusif. Berdasarkan Fasal 2.7.3 mengenai Penggantian kerana Tidak Sempurna/Rosak dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari masa pembelian, pelanggan boleh meminta penggantian jika Kad Reka Bentuk Terhad didapati tidak sempurna/rosak. Kad itu akan digantikan dengan kad reka bentuk edisi terhad yang sama seperti yang dibeli oleh pelanggan.
- viii. Kad Pengiklanan Touch 'n Go: Kad Touch 'n Go Dipertingkat yang memaparkan dan menyiarkan iklan pihak ketiga. Untuk mengelakkan keraguan, Kad Pengiklanan Touch 'n Go tidak memberikan secara langsung dan/atau tidak langsung sebarang faedah, diskaun, keahlian, eksklusiviti, keistimewaan, ganjaran atau sebarang faedah lain yang serupa daripada TNGSB dan/atau pihak ketiga yang diiklankan. Kad Pengiklanan Touch 'n Go tidak secara langsung dan/atau tidak langsung menggambarkan, menjamin, mewakili atau menjanjikan sebarang potensi faedah, diskaun, keahlian, eksklusiviti, keistimewaan, ganjaran atau sebarang faedah lain yang sama pada masa hadapan daripada TNGSB dan/atau pihak ketiga.